



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000  
Faks : 605 527 7273  
Laman Web : <http://jpmperak.moe.gov.my>

“PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK”

Ruj. Kami : JPNPk.SPS.SMT6.700-3/1Jld.23 ( 6 )  
Tarikh : 5 Julai 2024

Pengarah  
Pusat Latihan Mengajar & Industri,  
Aras Bawah, Blok 9,  
Kampus Sultan Azlan Shah,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim,  
Perak.

Tuan,

**KEBENARAN UNTUK MENEMPATKAN PELAJAR MENJALANI LATIHAN INDUSTRI /  
LATIHAN MENGAJAR DI SEKOLAH BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI  
PERAK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI/PLMI/LI/447 bertarikh 1 Julai 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perak **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk penempatan pelajar bagi menjalani Latihan Industri / Latihan Mengajar seperti yang dinyatakan di dalam surat permohonan tuan.

3. Bersama-sama ini juga disertakan pautan borang yang perlu dilengkapkan oleh pelajar bagi tujuan permohonan permit mengajar:

3.1 **Borang Permohonan Permit Mengajar**  
dikembalikan semula ke Jabatan ini bagi tujuan pengeluaran Permit Mengajar (u.p : Unit Menengah dan Tingkatan Enam, Sektor Pengurusan Sekolah).  
<https://tinyurl.com/borangpermitmengajarperak>

3.2 **Pautan Borang Maklumat Pemohon Permit Mengajar**  
(dilengkapkan oleh pelajar secara atas talian setelah selesai membuat bayaran pemprosesan sebanyak RM40 secara wang pos atau draf bank)  
<https://tinyurl.com/permitmengajarperak>

Kegagalan pelajar untuk mendapatkan Permit Mengajar daripada Jabatan ini sebelum menjalani Latihan Mengajar dan *Internship* boleh menyebabkan pelajar tidak dapat menjalani program tersebut.

4. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan ini **TIDAK menyediakan** kemudahan **elaun, penginapan, dan pengangkutan** kepada pelatih sepanjang tempoh latihan mengajar.

...2/-

5. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada:
  - 5.1 Seksyen 103(1) dan 2(a), 2(b) dan 2(c), Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
  - 5.2 Seksyen 114(1)(a) Pengeluaran Permit Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan
  - 5.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 7/1985 : Latihan Mengajar Bagi Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan, Pusat / Fakulti Pendidikan Universiti.
  
6. Ketua Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dan menurut budi bicaranya membatalkan sesuatu permit mengajar dengan memberi notis bertulis kepada pemegang permit.
  
7. Selain itu, pihak tuan juga perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
  - 7.1 Mendapat persetujuan Pengetua / Guru Besar sekolah-sekolah terlibat
  - 7.2 Berbincang dengan pentadbir sekolah yang terlibat tentang kaedah terbaik pelaksanaan program ini
  - 7.3 Pihak sekolah akan melantik guru / guru-guru pembimbing dan mereka boleh pada bila-bila masa memantau guru-guru pelatih berkenaan
  - 7.4 Pihak Universiti / Institut Pendidikan hendaklah menamakan pegawai akademik / pensyarah pembimbing yang akan bertanggungjawab kepada guru-guru pelatih berkenaan
  - 7.5 Pengetua / Guru Besar boleh menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jadual pengajaran / tugas guru pelatih berkenaan setelah berbincang dengan pegawai akademik / pensyarah pembimbing mereka
  - 7.6 Guru-guru pelatih boleh diarahkan oleh Pengetua / Guru Besar untuk terlibat sama dengan mana-mana program dan / atau aktiviti sekolah
  - 7.7 Pihak Universiti / Institut Pendidikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan pelatih sepanjang menjalani latihan mengajar dan *internship* tersebut.
  - 7.8 Semua kos yang melibatkan peralatan semasa menjalani latihan mengajar dan *internship* hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Universiti / Institut Pendidikan
  - 7.9 Pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar dan *internship* adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada, etika profesion keguruan dan tindakan boleh diambil jika mereka melanggar mana-mana peraturan tersebut.

- 7.10 Salinan laporan di akhir latihan mengajar dan *internship* hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar. ...3/-
- 7.11 Mematuhi arahan-arahan lain Pendaftar dari semasa ke semasa
- 7.12 Hanya guru pelatih yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan melaksanakan latihan mengajar di sekolah. Kegagalan guru pelatih mendapatkan vaksin lengkap pada tarikh melapor diri di sekolah akan menyebabkan surat kebenaran ini terbatal; dan
- 7.13 Guru-guru pelatih perlu mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) pengawalan penularan jangkitan *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

8. Jabatan ini berhak menarik balik surat kebenaran/ kelulusan ini sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sedang berkuatkuasa.

9. Kebenaran ini hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja bermula pada **22 Julai 2024** dan akan luput selepas tarikh **11 Oktober 2024**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Dr. Azrul Azwan bin Mohd Abdul Aziz (Unit Menengah dan Tingkatan Enam) melalui talian 05-5015119 / azrul.azwan@moe.gov.my atau kepada Puan Siti Shamsina binti Semarani (Unit Rendah) melalui talian 05-5015132 / sitishamsina@moe.gov.my.

Segala perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(SABARINA BINTI JAMALUDDIN)**

Timbalan Pengarah  
Sektor Pengurusan Sekolah  
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

- s.k: 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak  
2. PPD Kuala Kangsar

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

**LAMPIRAN A**

SENARAI NAMA GURU PELATIH:

TARIKH: 22 JULAI 2024 HINGGA 11 OKTOBER 2024

BIL	NAMA PELAJAR	SEKOLAH DIPOHON	KOD SEKOLAH	PPD
1	NURNISA SYAHIRA MOHD NAPIS	SEKOLAH SENI MALAYSIA PERAK	AEA4087	KUALA KANGSAR